



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

SURAT SETUJU TERIMA (SST) MENANDAKAN PROJEK PEMBINAAN KAMPUS BAHARU KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM) KAPIT, SARAWAK BERMULA

KAPIT, SARAWAK – Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya Malaysia yang juga Ahli Parlimen Kapit P.215 hari ini telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) bagi Projek Pembinaan Kampus Baharu Kolej Profesional MARA (KPM) Kapit, Sarawak yang berlangsung di Dewan Suarah Kapit, Sarawak. Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Kerja Raya, pegawai kanan dari Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kementerian Kerja Raya (KKR) dan JKR Malaysia.

2. Kontraktor yang terpilih adalah syarikat Wangi Marine Services Sdn Bhd dan dilaksanakan secara Kontrak Reka dan Bina. Skop projek meliputi kerja-kerja pembinaan Blok Pentadbiran, Blok Akademik, Blok Perpustakaan, Pusat Pelajar, Kafetaria, Asrama Lelaki dan Perempuan, sembilan (9) unit Kuarters Warden (kelas D, E dan G), dan kerja-kerja infrastruktur sokongan lain. Kontrak yang berjumlah sekitar RM79 juta ini dijangka akan disiapkan pada 5 Disember 2029.

3. Pembinaan Kolej Profesional MARA bila siap kelak boleh menampung sehingga 300 orang pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) terutama dari luar bandar bagi mengikuti program *Diploma in Business Studies*, *Diploma in Plantation Management* dan *Diploma in Information Technology*. Ia juga bertujuan untuk menyediakan pusat pendidikan di kawasan luar bandar bagi melahirkan tenaga kerja profesional, berkemahiran dan berpendapatan tinggi selaras dengan keperluan industri negara

4. Tapak cadangan terletak di atas tanah Lot 15 Seksyen 22 (Ibau Land) berkeluasan 49.4 ekar 15km dari Pekan Kapit dan 167km dari bandar Sibu. Lokasi tersebut dipilih untuk membuka ruang kepada anak-anak luar bandar terutama dari sekitar daerah Kapit atau kawasan lain di Sarawak dan Sabah untuk melanjutkan pelajaran mereka sehingga ke peringkat diploma dalam bidang profesional.

5. Pembinaan Kolej Profesional MARA di Kapit adalah sejajar dengan komitmen Kerajaan Malaysia Madani untuk tidak hanya menumpukan pembangunan di bandar tetapi mengurangkan jurang dengan merangkum kawasan dan rakyat luar bandar. Ia juga selari dengan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak atau *Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE). SCORE merupakan sebuah koridor pembangunan baharu di Sarawak yang telah dilancarkan pada tahun 2008 dan akan direalisasikan pada tahun 2030.

6. Menjelang tahun 2030, dijangka 1.6 juta peluang pekerjaan akan wujud dalam menjadikan Sarawak sebuah negeri berpendapatan tinggi dan dengan terbinanya Kolej Profesional MARA Kapit ini akan meningkatkan lagi bilangan tenaga kerja berkemahiran tinggi terutama bagi anak-anak Sarawak.

7. KKR mengucapkan tahniah kepada Kontraktor yang dilantik dan berharap pihak Kontraktor dapat memberikan komitmen yang tinggi untuk menyahut aspirasi Kementerian Kerja Raya (KKR) 2025 iaitu projek disiapkan AOT (*Ahead of Time*) dan bersedia untuk tidak memohon atau menerima EOT (*Extension of Time*).

8. Justeru KKR berharap Pegawai Penguasa Projek dan Kumpulan Projek sentiasa bekerjasama dengan Kontraktor, kerap turun padang memantau dan memberi bantuan bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan projek mengikut jadual menepati aspek kualiti dan spesifikasi, kos, masa, penyediaan invois dan bayaran dan yang terpenting aspek keselamatan di tapak pembinaan.

9. KKR melalui JKR Malaysia terus komited menyokong pembangunan negara melalui ekosistem dan infrastruktur pendidikan yang berkualiti dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI yang menekankan kesejahteraan, inklusiviti dan kemampanan. Usaha ini diharap dapat membentuk rakyat MADANI yang berilmu, progresif dan berdaya saing.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA

14 JUN 2025

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#Jalankitatanggunjawabkita

#KerajaanMADANI

#MADANIbekerja